

## FPP UMS dan JPKA Sabah Komited Tingkatkan Kerjasama Bidang Kerja Sosial di Sabah

Terakhir dikemaskini: Rabu, 21 Mac 2018 17:36 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 270

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**RABU, 21 MAC** - Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani Surat Niat (LoI) bersama Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (JPKA) Sabah, kelmarin.

LoI tersebut merupakan usaha untuk menjalinkan kerjasama yang lebih mapan berkenaan kerja-kerja sosial diantara FPP UMS dan JPKA Sabah.

UMS diwakili oleh Dekan FPP, Profesor Dr. Mohd Dahlan A. Malek, manakala JPKA diwakili oleh Pengarah, Mohd Noor Wahab.

Majlis tersebut merupakan salah satu pengisian sempena sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia yang diraikan pada 20 Mac setiap tahun selain Bengkel Bahasa Isyarat, Program Derma Darah dan pameran daripada agensi dan pertubuhan bukan kerajaan.

Ketika merasmikan penutupan sambutan tersebut, Profesor Dr. Mohd Dahlan menyeru agar pelajar UMS mengambil peluang mengikuti program kerja sosial dengan penuh semangat dan mempamerkan tingkah laku yang baik dan profesional.

“Program seperti ini hendaklah diambil berat oleh semua pihak bagi mewujudkan suasana yang lebih kondusif dalam kalangan mahasiswa UMS sepanjang tempoh pengajian di peringkat universiti.

“Peranan yang dimainkan oleh mahasiswa ini juga bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran insaniah, tetapi juga menjana kecemerlangan universiti,” katanya.

Pada majlis tersebut juga turut diserahkan borang program *Volunteer to Institution* (V2i) daripada pelajar program kerja sosial FPP UMS kepada Pengarah JPKA Sabah.

Program V2i merupakan program sukarelawan yang dirangka oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) khusus untuk pelajar universiti dan institut latihan bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Antara khidmat yang ditawarkan adalah seperti Khidmat Sokongan Sosial, Bimbingan dan Psikologi; Khidmat Keceriaan; Khidmat Penjagaan Kesihatan; Khidmat Kerohanian, Sukan, Kebudayaan dan Kesenian; Khidmat Pendaupayaan Kapasiti dan Pembangunan Insaniah serta Khidmat Sokongan Teknikal.